

# 'SEDIA MULA MASAK'

## PROGRAM MASAKAN TERBARU DI RTM2



Adakah anda sudah bersedia dengan cabaran dalam program 'Sedia Mula Masak'? 'Sedia Mula Masak' sebuah program masakan yang istimewa yang disiarkan pada setiap hari Ahad jam 4.30 petang menerusi saluran RTM 2.



Program sebanyak 13 episod terbitan Ambang Entertainment Sdn Bhd bersama Ciku Media Sdn Bhd menemui penonton selama setengah jam. 'Sedia Mula Masak' dihoskan oleh pengacara, pelawak dan pelakon terkenal Louisa Chong.

Rancangan ini diambil daripada sebuah rancangan masakan popular 'Ready Steady Cook' yang diterbitkan oleh Endemol, United Kingdom. Sejak diperkenalkan pada tahun 1994, rancangan ini terus berkembang meluas sehingga ke Eropah, Australia, Itali, Kanada serta beberapa negara lain. Malaysia pula menjadi negara pertama di Asia yang mengambil konsep program berkenaan.

Bukan sekadar sebuah program masakan biasa, penonton di rumah berpeluang melihat pertarungan dua kumpulan yang terdiri daripada seorang selebriti chef dan peserta biasa.

Selain menyaksikan peserta memasak, penonton juga pasti akan terhibur dengan gelagat hos dan peserta yang pasti mencuit hati. Ia bukan sekadar sebuah rancangan masakan biasa kerana aksi-aksi lucu akan menjadi penyeri kepada program ini.

Setiap minggu dua kumpulan akan bertanding mewakili kumpulan Cili Hijau dan Tomato Merah. Seorang wakil kumpulan akan membeli-belah keperluan untuk masakan di pasaraya Tesco yang terkenal dengan barangan pada harga berpatutan dan berkualiti. Mereka hanya dibenarkan membeli bahan masakan yang tidak lebih daripada RM20. Setelah itu, cabaran memasak pula bermula untuk chef dan peserta menonjolkan skil masakan mereka.

Bagaimanapun, mereka hanya diberikan selama 20 minit saja untuk memasak beberapa jenis masakan. Banyak aksi menarik, mencuit hati serta lucu berlaku sepanjang program ini. Terutamanya melihat gelagat chef terkenal tanah air seperti Chef Ismail, Chef Sobri Mat Noor, Chef Azrah Kamala Shashi, Chef Florence Tan, Chef Marvin Yong dan Chef Norzailina Nordin yang bertungkus lumus menyediakan menu yang pastinya menyelerakan.

Sementara Louisa akan melihat hasil masakan tadi, chef-chef pula akan sibuk menurunkan rahsia resipi masakan mereka kepada penonton di rumah.

Pengadil pula terdiri daripada penonton di studio. Pemenang akan ditentukan oleh penonton. Mereka hanya akan mengangkat kad yang mewakili kumpulan yang dipilih. Jadi, jangan lupa saksikan 'Sedia Mula Masak' bersama Louisa Chong!

